




PENYATA KEWANGAN

- 130 SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008
- 131 PENYATA Pengerusi dan seorang ahli lembaga
selaku pemegang amanah
- 131 PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
- 132 LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2008
- 133 PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008
- 134 PENYATA PERUBAHAN DALAM RIZAB
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008
- 136 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008
- 138 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Saya telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan pada 31 Disember 2008, hasil operasi serta aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

4. Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

5. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan disatukan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
09 APRIL 2009



PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Selaku Pemegang Amanah

Kami, **TAN SRI SAMSUDIN OSMAN** dan **ANDREW LO KIAN NYAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga, selaku wakil Pemegang Amanah kepada **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA** pada 31 Disember 2008 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : TAN SRI SAMSUDIN OSMAN
GELARAN : Pengerusi KWSP
TARIKH : 02 APRIL 2009
TEMPAT : KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : ANDREW LO KIAN NYAN
GELARAN : AHLI LEMBAGA KWSP
TARIKH : 02 APRIL 2009
TEMPAT : KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Saya, **MASUT MARTU**, selaku wakil Pemegang Amanah dan pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Rizab dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mengikut kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan]
sesungguhnya diakui]
oleh penama di atas di]
KUALA LUMPUR]
pada 24 Mac 2009]



MASUT MARTU
Di hadapan saya



PESURUHJAYA SUMPAH
1.08, Tkt. 1, Bangunan KWSP,
Jln. Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26913880

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2008

		KUMPULAN		KWSP	
	Nota	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)
PENGGUNAAN DANA AHLI					
ASET					
Aset Cukai Tertunda	6	16,000	40,000	—	—
Harta Tanah, Loji Dan Peralatan	7	427,376	523,018	311,250	285,718
Harta Tanah Pelaburan	8	1,574,651	1,467,144	1,069,916	1,064,931
Aset Tidak Ketara	9	43,866	52,500	43,211	51,535
Prabayaran Tanah Milik Pajak	10	119,490	120,914	109,374	110,633
Aset Dipegang Untuk Jualan	11	1,170,835	5,437,256	1,170,835	5,432,606
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Harta Tanah	12	64,946	64,946	64,946	64,946
Kos Pembangunan Harta Tanah	13	153,473	153,932	147,944	147,761
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	14	—	—	1,015,759	1,471,496
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	15	7,017,328	5,257,156	6,368,920	5,259,522
Pelaburan	16	244,195,726	221,558,803	244,152,656	222,536,957
Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan	17	75,778,158	63,648,732	68,995,023	57,607,294
Inventori Harta Siap	18	152,457	166,672	—	—
Penghutang, Cagaran Dan Prabayaran	19	141,522	808,208	24,099	661,051
Tuntutan Cukai Belum Diterima		891,149	936,686	890,499	911,113
Faedah Dan Dividen Terakru		2,479,461	2,589,738	2,479,473	2,589,757
Deposit Dengan Institusi Kewangan	20	19,051,871	20,657,439	19,026,085	19,258,528
Baki Bank Dan Wang Tunai		306,675	941,670	244,656	844,065
Jumlah Aset		353,584,984	324,424,814	346,114,646	318,297,913
LIABILITI					
Liabiliti Cukai Tertunda	6	17,203	19,686	—	—
Peruntukan Bagi Manfaat Pekerja	21	107,694	91,961	107,694	91,961
Peruntukan Bagi Lain-Lain Liabiliti Dan Caj	22	—	—	—	—
Jaminan Keuntungan Tertunda		307	—	—	—
Peruntukan Bagi Cukai		21,275	19,439	—	—
Pinjaman Dan Overdraf	23	309,735	606,619	—	—
Pemiutang Pengeluaran Caruman		80,521	88,846	80,521	88,846
Deposit Dan Pendahuluan	24	6,476,800	5,540,918	175,524	153,240
Pemiutang Dan Liabiliti Terakru	25	377,421	742,069	316,865	674,167
Jumlah Liabiliti		7,390,956	7,109,538	680,604	1,008,214
ASET BERSIH		346,194,028	317,315,276	345,434,042	317,289,699
DANA AHLI					
Akaun Caruman	26	344,640,195	316,504,232	344,640,195	316,504,232
Rizab		959,814	239,426	793,847	785,467
		345,600,009	316,743,658	345,434,042	317,289,699
Kepentingan Minoriti		594,019	571,618	—	—
		346,194,028	317,315,276	345,434,042	317,289,699

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi Lembaran Imbangan ini.

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	KUMPULAN		KWSP	
		2008 (RM'000)	2007 (RM'000)	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)
PENDAPATAN					
Pendapatan Pelaburan Kasar	27	19,534,881	17,548,813	19,156,366	17,233,168
Perbelanjaan Pelaburan	28	(294,260)	(85,386)	(105,796)	(85,386)
Elaun Rosot Nilai Atas Pelaburan Dan Kerugian Atas Sekuriti Pelaburan Dan Pinjaman Bersih	29	(3,866,056)	399,994	(3,838,343)	433,868
Rugi Terjejas Atas Pelaburan Bersih	30	—	—	(143,539)	55,595
Pendapatan Pelaburan Bersih		15,374,565	17,863,421	15,068,688	17,637,245
Pendapatan Bukan Pelaburan	31	202,385	183,607	148,787	50,255
		15,576,950	18,047,028	15,217,475	17,687,500
Perbelanjaan Operasi	32	(750,956)	(815,305)	(615,917)	(509,371)
Caj Berkanun	33	(39,174)	(42,937)	(39,174)	(42,937)
Dividen Pengeluaran Caruman		(255,074)	(268,949)	(255,074)	(268,949)
Jumlah Perbelanjaan		(1,045,204)	(1,127,191)	(910,165)	(821,257)
Pendapatan Bersih		14,531,746	16,919,837	14,307,310	16,866,243
Keuntungan Dalam Syarikat Bersekutu		521,834	198,834	—	—
Pendapatan Bersih Sebelum Cukai Cukai Dan Zakat	34	15,053,580	17,118,671	14,307,310	16,866,243
		(23,074)	16,078	—	—
Pendapatan Bersih Selepas Cukai Dan Zakat		15,030,506	17,134,749	14,307,310	16,866,243
Agihan Kepada:					
Pencarum KWSP		15,019,410	17,128,014		
Kepentingan Minoriti		11,096	6,735		
		15,030,506	17,134,749		

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi Penyata ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM RIZAB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	← Tidak Boleh Diagih →		Boleh Diagih	Jumlah
	Rizab Seksyen 50(3)	Rizab Modal	(Kurangan) / Lebihan Terkumpul	
	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Pada 31 Disember 2006	40,000	519	(139,377)	(98,858)
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	—	—	17,128,014	17,128,014
Pelarasan / Faedah Atas Caruman Lewat Bayar Penggunaan Saham Di Bawah Skim Saham Pilihan Pekerja Yang Diiktiraf Di Penyata Pendapatan	8,763	—	—	8,763
	—	(338)	—	(338)
Bayaran Invokasi Seksyen 50(3)	(10,483)	—	—	(10,483)
Pindahan Ke Rizab Invokasi Seksyen 50(3)	1,720	—	(1,720)	—
Dividen 2007 Dikreditkan Kepada Akaun Ahli – 5.80%	—	—	(16,786,843)	(16,786,843)
Pelarasan Dividen Tahun 2006 – 5.15%	—	—	(829)	(829)
Pada 31 Disember 2007	40,000	181	199,245	239,426
Pada 31 Disember 2007	40,000	181	199,245	239,426
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	—	—	15,019,410	15,019,410
Pindahan Dari Faedah Atas Caruman Lewat Bayar	8,583	—	—	8,583
Pelarasan Lebihan Berkumpul Tahun Terdahulu	—	—	10	10
Pindahan Dari Skim Saham Pilihan Pekerja Yang Tamat Tempoh Ke Lebihan Berkumpul	—	—	89	89
Terbitan Saham Biasa Di Bawah Skim Saham Pilihan Pekerja	—	(181)	—	(181)
Bayaran Invokasi Seksyen 50(3)	(8,583)	—	—	(8,583)
Dividen 2008 Dikreditkan Kepada Akaun Ahli – 4.50%	—	—	(14,288,329)	(14,288,329)
Pelarasan Dividen Tahun 2007 – 5.80%	—	—	(10,611)	(10,611)
Pada 31 Disember 2008	40,000	—	919,814	959,814

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi Penyata ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM RIZAB (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

KWSP			
	Tidak Boleh Diagih Rizab Seksyen 50(3) (RM'000)	Boleh Diagih (Kurangan) / Lebihan Terkumpul (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Pada 31 Disember 2006	40,000	668,616	708,616
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	—	16,866,243	16,866,243
Pelarasan / Faedah Atas Caruman Lewat Bayar	8,763	—	8,763
Bayaran Invokasi Seksyen 50(3)	(10,483)	—	(10,483)
Pindahan Ke Rizab Invokasi Seksyen 50(3)	1,720	(1,720)	—
Dividen 2007 Dikreditkan Kepada Akaun Ahli – 5.80%	—	(16,786,843)	(16,786,843)
Pelarasan Dividen Tahun 2006 – 5.15%	—	(829)	(829)
Pada 31 Disember 2007	40,000	745,467	785,467
Pada 31 Disember 2007	40,000	745,467	785,467
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	—	14,307,310	14,307,310
Pindahan Dari Faedah Atas Caruman Lewat Bayar	8,583	—	8,583
Pelarasan Amaun Tahun Terdahulu	—	10	10
Bayaran Invokasi Seksyen 50(3)	(8,583)	—	(8,583)
Dividen 2008 Dikreditkan Kepada Akaun Ahli – 4.50%	—	(14,288,329)	(14,288,329)
Pelarasan Dividen Tahun 2007 – 5.80%	—	(10,611)	(10,611)
Pada 31 Disember 2008	40,000	753,847	793,847

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi Penyata ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Nota	KUMPULAN		KWSP	
	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Pendapatan Bersih Sebelum Cukai Dan Zakat	15,053,580	17,118,671	14,307,310	16,866,243
<u>Pelarasannya Untuk:</u>				
Keuntungan Dalam Syarikat Bersekutu	(521,834)	(198,834)	—	—
Susut Nilai Atas Harta Tanah, Loji Dan Peralatan	39,206	42,528	31,935	32,948
Susut Nilai Atas Harta Tanah Pelaburan	32,902	24,608	25,015	19,186
Pelunasan Aset Tidak Ketara	13,838	13,723	13,250	13,167
Pelunasan Atas Prabayaran Tanah Milik Pajak	1,424	1,315	1,259	1,150
Rugi Terjejas Atas Harta Tanah Pelaburan	45	—	—	—
Elaun Rosot Nilai Pelaburan	4,182,699	376,110	4,182,699	376,110
Elaun Kerugian Atas Sekuriti Pelaburan	—	131,324	—	131,324
Elaun Kerugian Pinjaman / Elaun Khusus Pinjaman Lapuk Dan Ragu	27,737	33,874	24	—
Rugi Terjejas Atas Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu	483	—	492,875	7,507
Elaun Rosot Nilai Pelaburan Dicatat Semula	(336,564)	(939,652)	(336,564)	(939,652)
Pembalikan Rugi Terjejas Atas Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	—	—	(349,336)	(63,102)
Elaun Kerugian Atas Sekuriti Pelaburan Dicatat Semula	(7,747)	—	(7,747)	—
Elaun Kerugian Pinjaman / Elaun Khusus Pinjaman Lapuk Dan Ragu Dicatat Semula	(69)	(1,650)	(69)	(1,650)
Pembalikan Rugi Terjejas Saham Tidak Tersiar Harga	—	(6)	—	—
Peruntukan Bagi Manfaat Pekerja	19,128	17,530	19,128	17,530
Elaun / Hapus Kira Hutang Lapuk Dan Ragu	18,711	18,580	—	—
Hapus Kira / Kerugian Bersih	111	401	308	220
Rugi Terjejas Atas Harta Tanah Pelaburan	—	108	—	—
Hapus Kira Harta Tanah, Loji Dan Peralatan	32	2	—	—
Keuntungan Atas Pelupusan Harta Tanah, Loji Dan Peralatan	(4,120)	(8,165)	(270)	(280)
Keuntungan Atas Pelupusan Harta Tanah Ditarik Balik	(10,028)	—	—	—
Keuntungan Atas Pelupusan Harta Tanah Pelaburan	(633)	(32,014)	—	—
Keuntungan Atas Pelupusan Inventori	(225)	—	—	—
Faedah Digantung Bersih Dari Hapus Kira Dan Kutipan Semula	469,153	434,828	—	—
Keuntungan Tidak Nyata Atas Transaksi Matawang Asing	—	(12,817)	—	—
Pembalikan Peruntukan Kerugian Kecairan	—	(3,380)	—	—
Skim Saham Pilihan Pekerja – ESOS	650	—	—	—
	18,978,479	17,017,084	18,379,817	16,460,701
<u>(Tambah) / Kurangan Dalam Aset Operasi:</u>				
Aset Tidak Ketara	(4,926)	(57,899)	(4,926)	(57,899)
Pelaburan	(25,454,087)	(18,442,494)	(25,454,087)	(18,442,494)
Aset Dipegang Untuk Jualan	4,977,166	(6,142,909)	4,977,166	(6,148,001)
Hasil Dari Pelupusan Harta Tanah Ditarik Balik	—	56,045	—	—
Deposit Dengan Institusi Kewangan	(760,393)	11,632,969	(760,423)	11,626,225
Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan	(12,626,247)	(10,489,668)	(11,387,684)	(9,065,917)
Penghutang, Cagaran Dan Prabayaran	638,774	(297,278)	636,644	(294,650)
Tuntutan Cukai Belum Diterima	22,604	(325,145)	20,614	(325,145)
Faedah / Dividen Terakru	110,284	(89,285)	110,284	(89,285)
Inventori	20,496	10,345	—	—
Harta Tanah Pelaburan	—	392,000	—	—
	(33,076,329)	(23,753,319)	(31,862,412)	(22,797,166)

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB.)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Nota	KUMPULAN		KWSP	
	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)
Tambahan / (Kurangan) Dalam Liabiliti Operasi:				
Caruman Bersih	13,837,033	10,660,853	13,837,033	10,660,853
Rizab Seksyen 50(3)	—	(1,720)	—	(1,720)
Peruntukan Bagi Manfaat Pekerja	(3,395)	(2,997)	(3,395)	(2,997)
Pemiutang Dan Liabiliti Terakru	(365,064)	436,350	(365,241)	446,835
Jaminan Keuntungan Tertunda	307	—	—	—
Pinjaman Dan Overdraif	(285,778)	313,442	—	—
Deposit Dan Pendahuluan	935,887	516,970	22,284	79,112
Pemiutang Pengeluaran Caruman	(8,325)	18,082	(8,325)	18,082
	14,110,665	11,940,980	13,482,356	11,200,165
Bayaran Cukai / Zakat	(5,671)	(11,654)	—	—
Bayaran Cukai Keuntungan Harta Tanah	—	(8)	—	—
Cukai Diperolehi	7,958	—	—	—
Tunai Bersih Dari / (Diguna Untuk) Aktiviti Operasi	15,102	5,193,083	(239)	4,863,700
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Pelaburan Dalam Syarikat Kumpulan	(2,928,584)	(3,180,292)	(1,512,595)	(3,993,586)
Pembelian Harta Tanah, Loji Dan Peralatan	(60,913)	(6,339)	(57,455)	(3,822)
Pembelian Bersih Harta Tanah Pelaburan	(30,000)	(178,171)	(30,000)	(178,171)
Hasil Penjualan Prabayaran Tanah Milik Pajak	—	31,253	—	31,253
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Harta Tanah	—	(8)	—	(8)
Kos Pembangunan Harta Tanah	(183)	(14,944)	(183)	(14,129)
Hasil Penjualan Harta Tanah Pelaburan	1,275	4,845	—	—
Hasil Penjualan Harta Tanah, Loji Dan Peralatan	11,108	536	258	294
Tunai Bersih Diguna Untuk Aktiviti Pelaburan	(3,007,297)	(3,343,120)	(1,599,975)	(4,158,169)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Hasil Dari Terbitan Saham	9,542	23,156	—	—
Bayaran Kepada Pemiutang Sewa Beli	—	(307)	—	—
Tanggungan Atas Jualan Pinjaman Kepada Cagamas	(14,511)	(495)	—	—
Bayaran Dividen Kepada Kepentingan Minoriti	(11,731)	(14,882)	—	—
Tunai Bersih (Diguna Untuk) / Dari Aktiviti Pembiayaan	(16,700)	7,472	—	—
(Defisit) / Lebihan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai				
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 01 Januari	3,479,208	1,621,773	1,982,722	1,277,191
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	470,313	3,479,208	382,508	1,982,722

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi Penyata ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga yang ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP, 1951 yang kemudiannya dipinda sebagai Akta KWSP, 1991 adalah badan pemegang amanah kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang merupakan satu rancangan caruman tetap.

Ibu Pejabat KWSP terletak di Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. Setakat 31 Disember 2008, KWSP beroperasi di empat (4) Wilayah dan 62 buah Cawangan yang terletak di bandar-bandar utama seluruh Malaysia.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi Pengurusan Risiko Kewangan KWSP secara keseluruhannya adalah untuk mengoptimalkan pembentukan nilai untuk ahli-ahlinya di samping meminimalkan potensi impak melampau kesan daripada perubahan kadar faedah dan keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu.

Polisi pengurusan risiko KWSP mengenal pasti dan menganalisa risiko-risiko ini pada peringkat awal, mengukur dan memantau risiko-risiko ini secara berterusan melalui penetapan had-had risiko, polisi dan prosedur untuk mengawal risiko berkenaan. Ini adalah untuk memastikan pengambilan risiko yang mapan dan pulangan pelaburan yang mencukupi.

Dalam mencapai misinya, KWSP perlu mengurus pelbagai risiko yang timbul dari persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Risiko-risiko ini termasuklah risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi dan risiko kecairan.

2.1 Risiko Kredit

Risiko Kredit adalah risiko kerugian yang disebabkan oleh ketidakupayaan atau kegagalan pihak yang terlibat untuk memenuhi tanggungjawabnya membuat pembayaran semula. Pendedahan kepada risiko kredit adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti pinjaman, lindung nilai, urus niaga dan pelaburan.

Objektif utama pengurusan risiko kredit adalah untuk memastikan pendedahan kepada risiko kredit sentiasa berada di dalam keupayaan dan kapasiti kewangan untuk menangani kerugian yang mungkin timbul di masa hadapan.

Prosedur khusus dalam menguruskan risiko kredit ditentukan di peringkat perniagaan dalam polisi dan prosedur khusus berdasarkan persekitaran risiko dan matlamat perniagaan.

2.2 Risiko Pasaran

Risiko Pasaran adalah risiko kerugian yang terhasil daripada perubahan nilai portfolio dan instrumen kewangan yang disebabkan oleh perubahan dalam pembolehubah pasaran seperti kadar faedah, pertukaran mata wang dan nilai ekuiti.

Objektif utama pengurusan risiko pasaran adalah memastikan kerugian daripada pasaran dapat ditangani dengan kadar segera dan kedudukan berisiko mempunyai kecairan secukupnya bagi memastikan KWSP dapat mengurangkan kedudukan berisiko tersebut tanpa menanggung kerugian yang di luar kemampuan KWSP.

Pengurusan risiko pasaran menggunakan pendekatan nilai atas risiko. Nilai atas risiko adalah pengukuran secara statistik yang menganggarkan perubahan yang mungkin berlaku dalam nilai portfolio kesan dari perubahan kadar pasaran harian ke atas tempoh pegangan tertentu pada tahap keyakinan yang telah ditentukan dalam keadaan pasaran biasa. Dalam membuat pengukuran nilai atas risiko yang tepat, KWSP juga mewujudkan analisa senario tertentu dalam pelbagai keadaan pasaran.

2.3 Risiko Operasi

Risiko Operasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian yang timbul daripada proses dalaman yang mengalami kegagalan atau tidak mencukupi, anggota atau sistem atau dari aktiviti luaran.

Pengurusan Risiko Operasi digunakan untuk menyokong dan mengukuhkan aktiviti dalam semua bidang untuk memastikan ianya menjadi sebahagian proses pembuatan keputusan dan budaya korporat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

2.3 Risiko Operasi (Samb.)

Pendekatan pengurusan risiko operasi yang terancang dan konsisten diguna pakai untuk menjarar strategi, polisi, proses, anggota, teknologi dan pengetahuan yang bertujuan untuk menilai dan menguruskan ketidaktentuan dalam mewujudkan nilai untuk melindungi kedudukan kewangan KWSP, reputasi dan keahlian serta mengoptimalkan perkhidmatan kepada ahli-ahlinya.

KWSP sentiasa memacu kepada penerapan budaya risiko di kalangan anggotanya melalui pembelajaran risiko dan pelaksanaan kawalan dan prosedur.

2.4 Risiko Kecairan

Risiko Kecairan adalah berkaitan dengan ketidakupayaan memenuhi komitmen dan tanggungjawab kewangan apabila diperlukan. KWSP sentiasa memastikan tahap aset cair yang mencukupi dalam bentuk tunai dan penempatan di institusi kewangan. Ini untuk memastikan pengeluaran ahli serta tanggungjawab kewangan lainnya dapat dipenuhi.

3. AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Lembaga adalah menerima dan mengutip caruman, memproses pengeluaran simpanan dan lain-lain faedah kepada ahli atau waris mereka apabila syarat-syarat pengeluaran dipenuhi serta melaburkan semua wangnya untuk kepentingan ahli. Aktiviti utama syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu adalah seperti yang dinyatakan di Nota 44 dan 45 kepada Penyata Kewangan.

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

Melainkan dinyatakan sebaliknya, polisi perakaunan berikut telah diterima pakai secara konsisten dengan piawaian perakaunan yang dipatuhi dalam tahun terdahulu dan diaplikasi kepada item-item yang dianggap material kepada Penyata Kewangan.

4.1 Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWSP telah disediakan mengikut:

- i. Kelaziman kos sejarah dengan pengubahsuaian ke atas penilaian semula saham tersiar harga jangka pendek; dan
- ii. Piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*MASB*) di Malaysia bagi Entiti selain dari Entiti Persendirian.

Penyediaan Penyata Kewangan yang mematuhi *Financial Reporting Standards (FRS)* memerlukan penggunaan perakaunan yang kritikal dan andaian yang akan memberi kesan kepada nilai aset dan liabiliti yang dilaporkan, dan liabiliti luar jangka pada tarikh Penyata Kewangan dan amaun pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tempoh pelaporan. Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik Pengarah terhadap peristiwa sepanjang pendedahan aset dan tindakan semasa, namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Bidang yang memerlukan tahap penilaian yang tinggi dan kompleks atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah signifikan kepada Penyata Kewangan adalah seperti didedahkan di Nota 5.

a. Piawaian, Pindaan Dan Terjemahan Kepada Piawaian Yang Diterima Pakai Pada Tahun Kewangan Semasa

Pada 01 Januari 2008, Kumpulan dan KWSP telah menerima pakai Piawaian, Pindaan Dan Terjemahan Kepada Piawaian:

- *FRS 107 Cash Flow Statements*
- *FRS 111 Construction Contracts*
- *FRS 112 Income Taxes*
- *FRS 118 Revenue*
- *FRS 119 Employee Benefits*
- *FRS 120 Accounting Government Grants and Disclosure of Government Assistance*

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.1 Asas Perakaunan (Samb.)

a. Piawaian, Pindaan Dan Terjemahan Kepada Piawaian Yang Diterima Pakai Pada Tahun Kewangan Semasa (Samb.)

- *FRS 126 Accounting and Reporting by Retirement Benefits Plans*
- *FRS 134 Interim Financial Reporting*
- *FRS 137 Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*
- *Amendment to FRS 121 The Effects of Changes in Foreign Exchange Rates – Net Investment in a Foreign Operation*
- *IC Interpretation 1 Changes in Existing Decommissioning, Restoration and Similar Liabilities*
- *IC Interpretation 2 Members' Shares in Co-operative Entities and Similar Instruments*
- *IC Interpretation 5 Rights to Interests arising from Decommissioning, Restoration and Environmental Rehabilitation Funds*
- *IC Interpretation 6 Liabilities arising from Participating in a Specific Market – Waste Electrical and Electronic Equipment*
- *IC Interpretation 7 Applying the Restatement Approach to FRS 129 Financial Reporting in Hyperinflationary Economies*
- *IC Interpretation 8 Scope of FRS 2 Share-based Payments*

Piawaian, Pindaan Dan Terjemahan Kepada *FRS* di atas tidak memberikan kesan signifikan ke atas Penyata Kewangan Kumpulan dan KWSP.

b. Piawaian, Pindaan Dan Terjemahan Kepada Piawaian Sedia Ada Tetapi Belum Dikuatkuasakan

Pada tarikh penyediaan Penyata Kewangan, Piawaian dan Terjemahan *FRS* yang baru seperti berikut telah dikeluarkan tetapi belum dikuatkuasakan dan belum diterima pakai oleh Kumpulan dan KWSP:

- *FRS 4 Insurance Contract* berkuatkuasa pada 01 Januari 2010
- *FRS 7 Financial Instrument: Disclosure* berkuatkuasa pada 01 Januari 2010
- *FRS 8 Operating Segments* berkuatkuasa pada 01 Julai 2009
- *FRS 139 Financial Instruments: Recognition and Measurement* berkuatkuasa pada tahun 2010
- *IC Interpretation 9: Reassessment of Embedded Derivatives* berkuatkuasa pada tahun 2010
- *IC Interpretation 10: Interim Financial Reporting and Impairment* berkuatkuasa pada tahun 2010

4.2 Asas Penyatuan

Penyata Kewangan Kumpulan mengandungi Penyata Kewangan KWSP dan syarikat subsidiari yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Semua urusan niaga dan baki antara syarikat telah dihapuskan dalam penyatuan. Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan KWSP adalah untuk mematuhi kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4, Tahun 2007. Lembaga sebagai pemegang amanah dan pengurus Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak mempunyai sebarang aset dan liabiliti dan segala perbelanjaan operasi dicajkan kepada hasil Kumpulan Wang.

4.3 Muhibah

Muhibah yang timbul dari penyatuan merupakan kelebihan harga pembelian dari nilai harga bersih syarikat subsidiari yang berkenaan pada tarikh pembelian. Muhibah dinyatakan pada kos, ditolak rugi terjejas terkumpul. Rugi terjejas atas Muhibah tidak boleh dicatat semula. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rugi terjejas adalah seperti dinyatakan di Nota 4.12.

4.4 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari adalah sebuah syarikat di mana KWSP menguasai komposisi Lembaga Pengarah atau mempunyai lebih dari setengah kuasa mengundi, atau memegang lebih dari separuh modal saham biasa yang diterbitkan oleh syarikat tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.4 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari (Samb.)

Kewujudan dan kesan instrumen yang mempunyai potensi hak mengundi, yang boleh digunakan dan ditukarkan pada tarikh semasa diambil kira dalam menentukan sama ada Kumpulan mempunyai kawalan ke atas entiti lain.

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh diperolehi yang mengambil kira rugi terjejas dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rugi terjejas adalah seperti yang dinyatakan di Nota 4.12.

Kumpulan telah mengambil kesempatan atas pengecualian yang disediakan oleh *FRS 122₂₀₀₄* dan *FRS 3* bagi menerima pakai piawaian tersebut secara prospektif. Sehubungan dengan itu, pelaburan dalam syarikat subsidiari sebelum tarikh piawaian berkenaan dikuatkuasakan, tidak dinyatakan semula bagi mematuhi piawaian ini.

Kaedah perakaunan pembelian digunakan bagi perakaunan penyatuan syarikat subsidiari. Berdasarkan kaedah ini, syarikat subsidiari disatukan mulai dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan penyatuan dihentikan mulai dari tarikh kawalan berakhir. Kos pengambilalihan diukur pada nilai saksama aset-aset yang diberikan, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau yang diambil alih pada tarikh urus niaga, dicampur kos yang berkaitan secara terus semasa pengambilalihan.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung pada penyatuan perniagaan pada awalnya diukur mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira kepentingan minoriti. Lebihan kos pengambilalihan dan nilai saksama atas aset bersih yang dikenal pasti atas Kumpulan semasa tarikh pengambilalihan dinyatakan sebagai Muhibah seperti di Nota 4.3. Sekiranya kos pengambilalihan kurang dari nilai saksama atas aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaan itu akan diiktiraf terus di Penyata Pendapatan.

Kepentingan Minoriti merupakan bahagian minoriti terhadap untung atau rugi dan aset bersih syarikat subsidiari bagi ekuiti yang tidak dipunyai secara langsung atau tidak langsung oleh entiti Induk. Kepentingan Minoriti diukur pada bahagian minoriti terhadap nilai saksama aset dan liabiliti syarikat subsidiari yang telah dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti terhadap perubahan ke atas ekuiti syarikat subsidiari mulai dari tarikh tersebut.

Urus niaga dalam Kumpulan, baki dan untung tidak nyata atas urus niaga di antara syarikat Kumpulan adalah dihapuskan. Begitu juga nyata rugi tidak nyata dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk penjejasan aset yang dipindahkan.

Untung atau rugi atas pelupusan syarikat subsidiari adalah perbezaan di antara bayaran bersih yang diterima dan bahagian bagi Kumpulan atas aset bersih syarikat subsidiari pada tarikh pelupusan termasuk amaun terkumpul atas perbezaan pertukaran mata wang yang berkaitan dengan syarikat subsidiari dan diiktiraf di Penyata Pendapatan Disatukan.

4.5 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana KWSP memegang kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20% hingga 50% dan mempunyai pengaruh penting dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi.

Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk terlibat dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan untuk melaksanakan kawalan atas polisi tersebut.

Kewujudan dan kesan instrumen yang mempunyai potensi hak mengundi, yang boleh digunakan atau ditukarkan pada tarikh semasa diambil kira dalam menentukan sama ada Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan ke atas entiti lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.5 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu (Samb.)

Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi perakaunan pelaburan dalam syarikat bersekutu pada mulanya dinyatakan pada kos. Pelaburan dalam syarikat bersekutu oleh Kumpulan adalah termasuk Muhibah yang dikenal pasti semasa tarikh pengambilalihan selepas ditolak rugi terjejas terkumpul atas Muhibah.

Bahagian Kumpulan ke atas keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu selepas pengambilalihan diiktiraf di Penyata Pendapatan dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos beserta pelarasan untuk menunjukkan perubahan ke atas bahagian Kumpulan aset bersih syarikat bersekutu.

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh diperolehi yang mengambil kira rugi terjejas dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rugi terjejas adalah seperti yang dinyatakan di Nota 4.12.

4.6 Kepentingan Dalam Usaha Sama

Kepentingan Dalam Usaha Sama adalah mewakili amaun pendahuluan di bawah perjanjian kontrak dengan rakan usaha sama untuk akujanji melaksanakan projek pembinaan dan pembangunan harta tanah secara kawalan bersama.

Kaedah ekuiti digunakan bagi perakaunan Kepentingan Dalam Usaha Sama. Perakaunan bagi kerja kontrak dalam usaha sama adalah berdasarkan peratusan kerja kontrak yang siap dan sebarang kerugian yang boleh dijangka, jika ada, akan diperuntukkan dalam tahun semasa apabila ia berbangkit.

Kepentingan Dalam Usaha Sama dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh diperolehi yang mengambil kira rugi terjejas dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rugi terjejas adalah seperti yang dinyatakan di Nota 4.12.

4.7 Asas Penilaian Pelaburan

a. Sekuriti Kerajaan Malaysia

Sekuriti Kerajaan Malaysia dinyatakan pada nilai buku yang didapati dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan diskaun dari tarikh pembelian sehingga ke tarikh matang.

b. Bon Islam Kerajaan Malaysia

Bon Islam Kerajaan Malaysia dinyatakan pada nilai buku yang didapati dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan diskaun dari tarikh pembelian sehingga ke tarikh matang.

c. Bon

Bon dinyatakan pada nilai buku yang dikira dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan diskaun dari tarikh pembelian sehingga ke tarikh matang.

d. Sekuriti Hutang Persendirian

Sekuriti Hutang Persendirian dinyatakan pada nilai buku yang dikira dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan diskaun dari tarikh pembelian sehingga ke tarikh matang. Elaun kerugian bagi sekuriti hutang persendirian tidak berbayar dibuat berdasarkan polisi di Nota 4.9.iv dan didedahkan sebagai Elaun Pinjaman Lapuk Dan Ragu apabila Panel Pelaburan berpendapat bahawa elaun kerugian perlu diperuntukkan.

e. Saham-Saham Tidak Tersiar Harga

Saham-Saham Tidak Tersiar Harga (selain daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu) dinyatakan pada kos. Elaun rosot nilai pelaburan dibuat apabila Panel Pelaburan berpendapat terdapat pengurangan nilai yang kekal terhadap pelaburan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.7 Asas Penilaian Pelaburan (Samb.)

f. Saham-Saham Tersiar Harga Dan Pelaburan Dengan Pengurus Portfolio

Saham-Saham Tersiar Harga Dan Pelaburan Dengan Pengurus Portfolio Jangka Pendek

Pada setiap akhir tahun, kos pelaburan Saham Tersiar Harga Dan Pelaburan Dengan Pengurus Portfolio (selain daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu) yang diklasifikasikan sebagai pelaburan jangka pendek diselaraskan kepada nilai pasaran. Perbezaan yang wujud akan diakaunkan seperti berikut:

- i. *Agregat nilai pasaran melebihi kos pelaburan*
Perbezaan akan dikreditkan ke Akaun Penilaian Semula Pelaburan;

atau
- ii. *Agregat nilai pasaran kurang dari kos pelaburan*
Perbezaan akan didebitkan ke baki pembuka Akaun Penilaian Semula Pelaburan (jika ada) dan selebihnya diiktiraf sebagai kerugian dalam Penyata Pendapatan. Sebarang peningkatan atas penilaian semula yang berkaitan dengan penurunan dalam nilai dibawa pada tahun terdahulu bagi pelaburan yang sama yang telah dicaj kepada pendapatan akan dikreditkan dalam Penyata Pendapatan sehingga had amaun penurunan yang telah direkod sebagai kerugian dalam Penyata Pendapatan di tahun-tahun terdahulu.

Saham-Saham Tersiar Harga Dan Pelaburan Dengan Pengurus Portfolio Jangka Panjang

Saham-Saham Tersiar Harga dan Pelaburan Dengan Pengurus Portfolio (selain daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu) yang diklasifikasikan sebagai pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos ditolak elaun rosot nilai pelaburan. Elaun rosot nilai pelaburan adalah ditentukan dan dikira berdasarkan garis panduan seperti berikut:

- i. Elaun rosot nilai pelaburan atas kos belian saham yang terlibat dalam Rancangan Pengurangan Modal sekurang-kurangnya 20% setiap tahun mulai dari tahun Rancangan Pengurangan Modal dimaklumkan dan elaun dicukupkan sehingga 100% dalam tahun rancangan dimuktamadkan. Elaun rosot nilai pelaburan akan diselaraskan dan dicatat semula sebagai pendapatan jika Rancangan Pengurangan Modal dibatalkan dan nilai saham lebih tinggi daripada kos purata.
- ii. Elaun rosot nilai pelaburan atas saham yang terlibat dalam Rancangan Tawaran Am Mandatori (*Mandatory General Offer Plan*) sekurang-kurangnya 20% setiap tahun atas kerugian yang wujud dari perbezaan kos tolak harga tawaran. Elaun diperuntukkan mulai tahun Rancangan Tawaran Am Mandatori dimaklumkan. Elaun akan dicukupkan kepada 100% dalam tahun pelaksanaan Rancangan Tawaran Am Mandatori dimuktamadkan. Elaun rosot nilai akan diselaraskan dan dicatat semula sebagai pendapatan jika Rancangan Tawaran Am Mandatori dibatalkan dan nilai saham lebih tinggi daripada kos purata.
- iii. Saham tersiar harga jangka panjang yang diputuskan oleh Panel Pelaburan di mana KWSP mempunyai peratus pegangan signifikan dan saham tersebut mempunyai prospek meragukan adalah diperuntukkan elaun rosot nilai pelaburan sekurang-kurangnya 25% setahun atas kerugian tidak nyata sehingga elaun rosot nilai pelaburan dicukupkan 100% pada tarikh Lembaran Imbangan. Elaun rosot nilai pelaburan akan diselaraskan dan dicatat semula sebagai pendapatan jika saham berkaitan telah dijual atau nilai saham lebih tinggi daripada kos purata.
- iv. Saham tersiar harga yang diberi status *PN4 (Practice Note No. 4/2001)* oleh Bursa Malaysia Berhad adalah diperuntukkan elaun rosot nilai pelaburan 100% atas kos pelaburan pada tarikh Lembaran Imbangan dalam tahun syarikat berkenaan diberi status *PN4*. Elaun rosot nilai pelaburan akan diselaraskan dan dicatat semula sebagai pendapatan jika saham berkaitan telah dijual atau nilai saham lebih tinggi daripada kos purata.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.7 Asas Penilaian Pelaburan (Samb.)

f. Saham-Saham Tersiar Harga Dan Pelaburan Dengan Pengurus Portfolio (Samb.)

- v. Saham tersiar harga jangka panjang yang mengalami rosot nilai tidak nyata yang signifikan diperuntukkan elaun rosot nilai pelaburan sekurang-kurangnya 20% setiap tahun atas jumlah kerugian tidak nyata pada tarikh Lembaran Imbangan sehingga kerugian tidak nyata diperuntukkan 100%. Elaun rosot nilai pelaburan tersebut akan diselaraskan sebagai pendapatan jika saham berkaitan telah dijual atau nilai saham lebih tinggi daripada kos purata. Semakan keperluan baki elaun rosot nilai adalah dibuat pada setiap tarikh Lembaran Imbangan. Penentuan tambahan elaun atau elaun dicatat semula pada sesuatu tarikh Lembaran Imbangan adalah dibuat secara agregat.
- vi. Elaun rosot nilai pelaburan secara umum atas kerugian tidak nyata bersih saham tersiar harga jangka panjang diperuntukkan pada tarikh Lembaran Imbangan. Elaun rosot nilai pelaburan diselaraskan dan dicatat semula sebagai pendapatan jika jumlah elaun rosot nilai pelaburan lebih tinggi daripada jumlah kos. Semakan keperluan baki elaun rosot nilai adalah dibuat pada setiap tarikh Lembaran Imbangan. Penentuan tambahan elaun atau elaun dicatat semula pada sesuatu tarikh Lembaran Imbangan adalah dibuat secara agregat.

Kriteria dan kaedah menentukan elaun rosot nilai pelaburan atas saham tersiar harga dan pelaburan dengan pengurus portfolio jangka panjang di atas adalah munasabah dan selaras dengan pandangan bahawa KWSP adalah dana persaraan jangka panjang di mana saham dipegang untuk jangka panjang tidak perlu dicairkan bagi menampung keperluan tunai untuk membayar pengeluaran caruman.

g. Saham-Saham Tersiar Harga Di Luar Negara

Saham-Saham Tersiar Harga Di Luar Negara dinyatakan pada kos ditolak peruntukan bagi penurunan nilai. Penurunan nilai diiktiraf apabila nilai pasaran adalah lebih rendah daripada kos belian.

4.8 Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan

Pinjaman Terjamin Dan Debentur dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya apabila Panel Pelaburan berpendapat bahawa elaun kerugian pinjaman perlu diperuntukkan. Elaun kerugian pinjaman bagi pinjaman tidak berbayar dibuat berdasarkan polisi di Nota 4.9.iv dan didedahkan sebagai Elaun Pinjaman Lapuk Dan Ragu.

Pinjaman Staf dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya apabila Pengurusan berpendapat bahawa elaun kerugian pinjaman perlu diperuntukkan. Elaun kerugian pinjaman bagi pinjaman tidak berbayar oleh staf dibuat berdasarkan polisi di Nota 4.9.iv. Terdapat tiga (3) jenis skim pinjaman yang ditawarkan kepada staf KWSP pada kadar faedah yang diluluskan oleh Lembaga berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana berikut:

- i. Skim Pinjaman Perumahan;
- ii. Skim Pinjaman Kenderaan; dan
- iii. Skim Pinjaman Peribadi.

Dana yang digunakan untuk membiayai pinjaman kepada staf untuk tiga (3) skim di atas adalah dikira sebagai pelaburan KWSP di mana tahap penggunaan alokasi dana masih tertakluk kepada had amaun yang diluluskan oleh Lembaga.

4.9 Pengiktirafan Hasil

Hasil adalah nilai saksama pertimbangan yang diterima atau akan diterima bagi penjualan barang-barang atau perkhidmatan dalam aktiviti urus niaga biasa Kumpulan. Hasil dinyatakan sebagai nilai bersih selepas cukai, pengembalian, rebat dan diskaun dan selepas menyingkirkan jualan sesama Kumpulan.

KWSP mengiktiraf hasil apabila amaun hasil boleh diukur secara munasabah, faedah ekonomi masa depan berkemungkinan mengalir masuk ke entiti dan kriteria tertentu telah dipenuhi bagi setiap aktiviti Kumpulan seperti yang dijelaskan di bawah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.9 Pengiktirafan Hasil (Samb.)

Amaun hasil tidak dianggap boleh diukur secara munasabah melainkan semua perkara luar jangka mengenai penjualan telah diselesaikan. Kumpulan membuat anggaran berasaskan peristiwa terdahulu dengan mengambil kira jenis pelanggan, jenis urus niaga dan spesifikasi bagi setiap urusan.

i. Pengiktirafan Pendapatan Pelaburan

Dividen dari saham dan faedah atas Sekuriti Kerajaan Malaysia, Pinjaman Dan Bon, Simpanan Tetap dan Pendapatan Sewa diambil kira atas dasar terakru. Dividen dari pelaburan saham luar negara diiktiraf berdasarkan terimaan.

Apabila sesuatu akaun menjadi pinjaman tidak berbayar, faedah digantung sehingga ia direalisasikan secara tunai. Akaun pinjaman adalah dianggap sebagai tidak berbayar jika bayaran balik pokok atau faedah adalah tertunggak selama enam (6) bulan. Polisi ke atas penggantungan faedah adalah selaras dengan “Garis Panduan Atas Penggantungan Faedah Ke Atas Pinjaman Tidak Berbayar Dan Peruntukan Bagi Hutang Lapuk Dan Hutang Ragu – BNM / GP 3” yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia tetapi diubah suai untuk kegunaan KWSP.

ii. Pengiktirafan Faedah Atas Pemberian Pinjaman Dan Pembiayaan (MBSB)

Pendapatan faedah dan pendapatan daripada perniagaan Skim Perbankan Islam adalah diiktiraf atas dasar akruan. Apabila sesuatu akaun diklasifikasi sebagai tidak berbayar, faedah akan digantung dan pelarasan secara retrospektif akan dibuat kepada tarikh pertama berlaku tunggakan sehingga ia diterima atas dasar tunai. Akaun pelanggan diklasifikasi sebagai tidak berbayar di mana pembayaran balik adalah tertunggak selama enam (6) bulan atau lebih.

Yuran atas pemprosesan pinjaman dan komisen diiktiraf sebagai pendapatan atas dasar kontrak yang diproses.

iii. Pengiktirafan Pendapatan Atas Penjualan Harta Tanah (MBSB)

Pendapatan daripada penjualan harta tanah diiktiraf atas kaedah kadar peratusan siap sebagaimana yang dinyatakan di Nota 4.17. Yuran komitmen diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan jangka masa yang diagihkan. Pendapatan daripada pengurusan projek diiktiraf pada dan apabila perkhidmatan diberi.

iv. Elaun Kerugian Pinjaman

Elaun Kerugian Pinjaman dibuat bagi pinjaman tidak berbayar yang telah dikaji satu persatu dan dikenal pasti secara spesifik sebagai lapuk atau ragu.

Bagi kes di mana pinjaman didahulukan kepada pembangunan usaha sama di mana tempoh penangguhan sebenar ialah enam (6) bulan atau lebih dan di mana penilaian sandaran dibuat berdasarkan pasaran terbuka adalah lebih rendah daripada amaun pokok tertunggak, elaun khusus yang bersamaan dengan amaun defisit dibuat.

Elaun am juga dibuat berdasarkan peratusan pinjaman belum terima bagi mengambil kira sebarang kemungkinan kerugian yang tidak boleh dikenal pasti secara khusus.

Pinjaman atau sebahagian pinjaman yang telah diklasifikasi sebagai lapuk akan dihapus kira selepas mengambil kira nilai boleh diperolehi dan cagaran sekiranya ada, oleh para Pengarah di mana pada pendapat Pengurusan, tidak ada prospek boleh dikutip.

Polisi elaun bagi pinjaman lapuk dan pinjaman ragu yang diamalkan oleh KWSP adalah selaras dengan “Garis Panduan Penggantungan Faedah Ke Atas Pinjaman Tidak Berbayar Dan Peruntukan Bagi Hutang Lapuk Dan Hutang Ragu – BNM / GP 3” terbitan Bank Negara Malaysia kecuali KWSP tidak memperuntukkan elaun am.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.9 Pengiktirafan Hasil (Samb.)

v. Faedah Dan Dividen Atas Caruman Lewat Bayar

Faedah Dan Dividen Atas Caruman Lewat Bayar diakaunkan atas terimaan tunai.

vi. Faedah Atas Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan

Bagi pembiayaan akhir, faedah belum diterima dikira atas kadar tahunan dan bulanan. Bagi kadar tahunan, faedah yang didebitkan kepada akaun pinjaman dalam sesuatu tahun, berasaskan kepada baki pada 31 Disember tahun yang terdahulu dan bagi pinjaman yang dikeluarkan sepanjang tahun itu, dikenakan faedah mulai dari hari pinjaman dikeluarkan sehingga akhir tahun kewangan di mana pengeluaran pinjaman tersebut dibuat. Untuk kadar bulanan, faedah yang didebitkan kepada akaun pinjaman dalam sesuatu bulan, berasaskan kepada baki pada akhir bulan yang lepas dan bagi pinjaman yang dikeluarkan pada sesuatu bulan itu, dikenakan faedah mulai dari hari yang berikutan dari tarikh pinjaman dikeluarkan sehingga akhir bulan di mana pengeluaran pinjaman tersebut dibuat.

Bagi pinjaman penyambung dan pinjaman berjangka, faedah belum diterima dikira atas kadar bulanan, iaitu faedah yang didebitkan kepada akaun pinjaman penyambung dan pinjaman berjangka dalam sesuatu bulan, berasaskan kepada baki di akhir bulan yang lepas dan sebarang pinjaman yang dikeluarkan dalam bulan tersebut, faedah dikira dari hari pinjaman dikeluarkan sehingga akhir bulan tersebut di mana pengeluaran pinjaman dibuat.

vii. Pelunasan Diskaun / Premium Atas Pelaburan

Pelunasan Diskaun / Premium Atas Pelaburan diiktiraf mengikut kaedah pulangan berkesan. Bagi sekuriti pelaburan yang ingin dipegang sehingga matang, untung (atau rugi) yang timbul akibat daripada ketidakiktirafan sekuriti berkaitan akan dicaj dalam Penyata Pendapatan selaras dengan "Garis Panduan Pindaan Ke Atas Pelaporan Kewangan Untuk Institusi Berlesen – BNM / GP 8" terbitan Bank Negara Malaysia.

4.10 Harta Tanah, Loji Dan Peralatan Serta Susut Nilai

Harta Tanah, Loji Dan Peralatan adalah dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rugi terjejas terkumpul. Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang diagihkan secara terus semasa perolehan aset tersebut. Kos selanjutnya akan dimasukkan ke nilai dibawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan mengalir ke Kumpulan dan kos tersebut boleh diukur dengan munasabah.

Nilai dibawa bagi komponen yang diganti akan dilupuskan. Semua pembaikan dan penyelenggaraan dicaj di Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan ianya berlaku.

Tanah Milik Bebas dan Kerja Dalam Pembinaan tidak disusutnilaikan. Semua Harta Tanah, Loji Dan Peralatan lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

Bangunan	2% – 3%
Loji Bangunan Dan Mesin	10% – 20%
Ubahsuai Pejabat / Bangunan	20%
Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap	20%
Kenderaan Bermotor	20%
Kelengkapan Pejabat	20%
Perisian Dan Perkakasan Komputer	20% – 33%

Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap serta Kelengkapan Pejabat bagi kos kurang atau pada RM1,000 seunit disusut nilai sepenuhnya pada tahun perolehan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.10 Harta Tanah, Loji Dan Peralatan Serta Susut Nilai (Samb.)

Ubahsuai Pejabat / Bangunan pada nilai RM100,000 dan lebih akan dipermodalkan. Bagi ubahsuai di mana kos projek adalah bernilai kurang daripada RM100,000, kos ubahsuai berkenaan dicaj sebagai perbelanjaan tahun semasa.

Nilai baki bersih dan usia penggunaan aset disemak dan diselaraskan jika bersesuaian pada setiap tarikh Lembaran Imbangan. Pada setiap tarikh Lembaran Imbangan, Kumpulan perlu menilai sama ada terdapat petunjuk penjejasan. Selain dari itu, penilaian semula ke atas Harta Tanah yang terdiri daripada tanah dan bangunan juga dibuat setiap lima (5) tahun bagi menilai jika terdapat petunjuk penjejasan. Jika terdapat petunjuk penjejasan, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh diperolehi semula dengan sepenuhnya. Rugi Terjejas akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai diperolehi seperti dinyatakan di Nota 4.12.

Kadar susut nilai bagi pembelian bangunan siap di mana kos tanah dan kos bangunan tidak dapat dikenal pasti semasa perolehan dibuat akan mengikut kadar susut nilai bangunan iaitu 2%.

Bagi setiap Harta Tanah, Loji Dan Peralatan yang dilupuskan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf di Penyata Pendapatan.

4.11 Harta Tanah Pelaburan

Harta Tanah Pelaburan terdiri daripada tanah dan bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki oleh Kumpulan. Harta Tanah Pelaburan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rugi terjejas. Harta Tanah Pelaburan disusut nilai mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset kepada nilai baki bersih sepanjang usia penggunaan di antara 40 – 50 tahun. Apabila Harta Tanah Pelaburan dilupuskan, atau ianya tidak digunakan langsung dan dijangka tiada pulangan masa hadapan daripada pelupusan tersebut, ianya akan disingkirkan daripada Lembaran Imbangan.

Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf di Penyata Pendapatan dalam tempoh ianya dilupuskan.

4.12 Penjejasan Aset

Aset yang tidak mempunyai usia penggunaan adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk penjejasan setiap tahun. Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk penjejasan apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi.

Rugi Terjejas diiktiraf apabila nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

Bagi tujuan menilai penjejasan, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan. Aset bukan kewangan selain daripada Muhibah yang mengalami penjejasan disemak untuk kemungkinan pembalikan penjejasan pada setiap tahun pelaporan.

Rugi Terjejas akan dicaj di Penyata Pendapatan. Bagi aset-aset lain, jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang akan diperolehi, ianya diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali terdapat pembalikan rugi terjejas atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambil kira ke Lebihan Penilaian Semula.

4.13 Perakaunan Untuk Caruman Ahli

Caruman dikreditkan ke akaun ahli mengikut bulan caruman atas dasar terimaan tunai kecuali kes pengkreditan berasaskan Invokasi Seksyen 50(3), Akta KWSP, 1991 seperti dinyatakan di Nota 4.24.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.14 Penghutang

Penghutang adalah dinilai pada amaun invoice setelah ditolak peruntukan hutang ragu. Peruntukan ini diwujudkan apabila terdapat bukti yang nyata di mana Kumpulan tidak akan dapat mengutip semua amaun tertunggak mengikut terma asal Penghutang.

4.15 Aset Dipegang Untuk Jualan

Aset bukan semasa (atau pelupusan Kumpulan) dikelaskan sebagai Aset Dipegang Untuk Jualan dan dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai dibawa atau nilai saksama ditolak kos jualan, sekiranya nilai dibawa tersebut akan diperolehi melalui jualan dan bukan melalui penggunaan berterusan.

4.16 Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Harta Tanah

Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Harta Tanah terdiri daripada tanah di mana aktiviti pembangunan belum dijalankan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disempurnakan dalam kitaran operasi yang normal. Tanah sebegini dikelaskan sebagai Aset Bukan Semasa dan dinyatakan pada kos ditolak rugi terjejas terkumpul. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rugi terjejas adalah seperti dinyatakan dalam Nota 4.12. Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Harta Tanah dikelaskan sebagai Kos Pembangunan Harta Tanah apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan di mana aktiviti pembangunan dapat disempurnakan telah dikenal pasti dalam kitaran operasi yang normal.

4.17 Kos Pembangunan Harta Tanah

Kos Pembangunan Harta Tanah terdiri daripada semua kos langsung yang berkaitan dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diagih berdasarkan asas yang munasabah kepada aktiviti yang berkaitan. Apabila keputusan kewangan terhadap aktiviti pembangunan boleh dianggar dengan sempurna, hasil serta perbelanjaan daripada pembangunan harta tanah diiktiraf di Penyata Pendapatan menggunakan kaedah peratusan siap. Kadar peratusan siap dikira menggunakan peratusan kos pembangunan harta tanah yang telah ditanggung di atas kerja yang telah dijalankan setakat tarikh berkaitan terhadap jumlah anggaran kos pembangunan harta tanah.

Apabila keputusan kewangan terhadap aktiviti pembangunan tidak dapat dianggarkan menggunakan dasar yang munasabah, hasil daripada pembangunan harta tanah diiktiraf hanya setakat di mana kos pembangunan harta tanah telah ditanggung yang dijangka dapat diperolehi semula dan di mana kos pembangunan harta tanah atas harta tanah yang dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung. Sebarang kerugian yang dijangka di atas projek pembangunan, termasuk kos yang akan ditanggung di sepanjang tempoh kerosakan dibayar, adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

Kos Pembangunan Harta Tanah tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah diakaunkan sebagai aset yang dinyatakan pada kos atau nilai terrealis bersih yang mana terendah. Lebihan hasil yang diiktiraf di Penyata Pendapatan daripada bil kepada pembeli adalah dikelaskan sebagai bil terakru dalam penghutang dagangan dan lebihan daripada bil kepada pembeli berbanding hasil diiktiraf di Penyata Pendapatan dan dikelaskan sebagai bil dalam progres dalam pemiutang dagangan.

4.18 Inventori Harta Siap

Inventori Harta Siap dinyatakan pada kos (yang dikira berdasarkan asas khusus yang dikenal pasti) dan nilai terrealis bersih yang mana lebih rendah. Kos termasuk kos tanah, pembinaan dan belanja pembangunan yang sewajarnya.

4.19 Peruntukan Bagi Manfaat Pekerja

a. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus, caruman kepada institusi keselamatan sosial dan bayaran gratuiti kepada staf kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberi oleh pekerja akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang dan pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.19 Peruntukan Bagi Manfaat Pekerja (Samb.)

b. Pelan Caruman Tetap

Caruman dibuat kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang telah diletakkan di dalam skim pencen.

c. Manfaat Jangka Panjang

KWSP menerima pakai *FRS 119* – Manfaat Pekerja yang mana bayaran manfaat staf jangka panjang selepas persaraan dan / atau selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf secara akruan di Penyata Pendapatan tahun semasa sebagai bayaran manfaat pekerja dan di Lembaran Imbangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Bagi Manfaat Pekerja. Jenis-jenis manfaat staf jangka panjang yang akan diiktiraf secara akruan ini adalah sebagaimana berikut:

- i. Faedah perubatan pesara; dan
- ii. Bayaran *award* cuti gantian (termasuk bahagian syer caruman majikan ke atas amaun bayaran ini). Pengiraan amaun tanggungan faedah perubatan kepada pesara adalah berdasarkan kaedah penilaian aktuari yang dijalankan pada setiap tiga (3) tahun.

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini adalah:

- i. Kadar inflasi terhadap kos rawatan ialah 5% setahun; dan
- ii. Kadar diskaun ialah pada 7% setahun.

Nilai terkumpul aktuari bersih untung atau rugi melebihi 10% dari nilai semasa Obligasi Faedah diiktiraf di Penyata Pendapatan sepanjang jangkaan baki usia bekerja staf iaitu 17 tahun.

Pengiraan amaun tanggungan bagi bayaran *award* cuti gantian kepada staf yang bersara adalah berdasarkan angka sebenar pada tarikh Lembaran Imbangan serta kelayakan mengikut terma dan syarat perkhidmatan. Kadar gaji semasa digunakan untuk mengira amaun tanggungan ini.

d. Manfaat Penamatan

Manfaat Penamatan perlu dibayar apabila staf menerima pemberhentian sukarela sebagai gantian untuk manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf Manfaat Penamatan apabila terdapat komitmen ketara untuk menamatkan perkhidmatan staf semasa mengikut pelan rasmi terperinci tanpa kemungkinan menarik kembali pelan tersebut.

e. Manfaat Pemilikan Ekuiti (*MBSB*)

Skim Pilihan Saham Untuk Staf *MBSB (ESOS)* membenarkan stafnya (termasuk pengarah eksekutif) selain daripada staf di syarikat subsidiarinya yang berstatus dorman untuk mendapatkan pemilikan saham biasa dalam syarikat subsidiari tersebut. Tiada kos bayaran atau obligasi diiktiraf. Apabila pilihan dilaksanakan, ekuiti bertambah melalui amaun perolehan yang diterima.

4.20 Peruntukan Bagi Liabiliti

Peruntukan Bagi Liabiliti diiktiraf apabila syarikat subsidiari mempunyai obligasi semasa yang disebabkan oleh peristiwa lalu dan berkemungkinan terdapat aliran keluar sumber-sumber yang membentuk faedah ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh Lembaran Imbangan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran terbaik semasa. Di mana kesan nilai masa ke atas wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai semasa daripada jangkaan perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi.

4.21 Cukai

KWSP dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah perenggan 20 – Jadual 6, Bahagian I, Akta Cukai Pendapatan, 1967.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.21 Cukai (Samb.)

Cukai pendapatan syarikat subsidiari atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa adalah terdiri daripada cukai tahun semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah cukai yang dijangka daripada cukai pendapatan perlu dibayar berhubung keuntungan boleh dicukai tahun semasa, dikira berdasarkan kadar cukai yang telah berkuatkuasa pada tarikh Lembaran Imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti bagi perbezaan sementara di antara asas-asas cukai bagi aset dan liabiliti serta nilai dibawanya pada tarikh Lembaran Imbangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna sehingga ke tahap di mana keuntungan boleh dicukai berkemungkinan untuk digunakan ke atas perbezaan sementara, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan atau pun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh Lembaran Imbangan. Cukai tertunda diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali jika ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti di mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada penyatuan perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal yang mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah atau muhibah negatif terhasil.

4.22 Dividen Dikreditkan / Dibayar Kepada Ahli

Dividen tahunan dikira atas baki pembuka pada 01 Januari (selepas ditolak pengeluaran) dan dicampur dividen bulanan atas caruman mengikut bulan caruman dan dikreditkan ke akaun ahli pada penutupan akhir tahun kewangan. Dividen pengeluaran adalah dikira dari awal sesuatu tahun pengeluaran sehingga ke tarikh akaun caruman didebitkan. Caruman dan dividen tahunan minima 2.50% adalah dijamin oleh Kerajaan kecuali caruman ahli yang diurus oleh Institusi Pengurus Dana. Pendapatan yang diterima dalam tahun semasa diagih kepada semua ahli KWSP secara maksimum selepas mengiktiraf semua perbelanjaan tahun semasa berlandaskan polisi perakaunan KWSP yang diluluskan oleh Lembaga.

4.23 Pertukaran Mata Wang Asing

a. Mata Wang Fungsian Dan Persembahan

Item dalam Penyata Kewangan setiap Entiti Kumpulan diukur dengan menggunakan mata wang utama di persekitaran entiti menjalankan urus niaga (mata wang fungsian). Penyata Kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia, iaitu mata wang fungsian dan persembahan KWSP.

b. Urus Niaga Dan Baki

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan ke mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran ketika tarikh urus niaga. Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing ditukar mengikut kadar pertukaran pada tarikh Lembaran Imbangan. Perbezaan pertukaran yang terhasil daripada penyelesaian urus niaga mata wang asing dan daripada pertukaran aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing dimasukkan dalam Penyata Pendapatan.

4.24 Rizab Seksyen 50(3)

Rizab Seksyen 50(3) diwujudkan di bawah Seksyen 15, Akta KWSP, 1991. Rizab ini bertujuan untuk membiayai pelaksanaan Seksyen 50(3), Akta KWSP, 1991 iaitu menghendaki Lembaga untuk membayar caruman syer pekerja bagi potongan yang dibuat atas gaji pekerja bersama amaun dividen atas caruman tersebut sekiranya majikan gagal membayar syer caruman pekerja tersebut. Sekiranya amaun rizab kurang daripada RM40.00 juta, kekurangan tersebut akan dipindahkan daripada lebihan terkumpul atau sebaliknya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

4. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.25 Aset Dan Liabiliti Luar Jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf Liabiliti Luar Jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya di Penyata Kewangan. Liabiliti Luar Jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan sekiranya berlaku satu (1) atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana ianya tidak dijangka akan menyebabkan pengaliran keluar sumber-sumber yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi tersebut.

Liabiliti Luar Jangka juga wujud bagi kes-kes yang jarang berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf kerana ianya tidak dapat diukur secara munasabah.

Aset Luar Jangka merupakan aset disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya akan disahkan, sekiranya berlaku satu (1) atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak akan mengiktiraf Aset Luar Jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak pasti.

4.26 Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai Dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada tunai di tangan, di bank dan deposit dengan institusi kewangan bertujuan untuk menghadapi keperluan kecairan.

4.27 Aset Tidak Ketara

Perbelanjaan yang wujud daripada Lesen Perisian Teknologi Maklumat diukur pada kos pengiktirafan. Selepas pengiktirafan awal, Aset Tidak Ketara adalah dibawa pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan rugi terjejas terkumpul. Aset Tidak Ketara akan dilunaskan berdasarkan asas garis lurus di sepanjang anggaran usia penggunaan ekonomi dan dinilai untuk penjejasan apabila terdapat petunjuk bahawa Aset Tidak Ketara mungkin terjejas.

4.28 Pajakan (*Leases*)

a. Pajakan (*Leases*) – Kumpulan Sebagai Penyewa (*Lessee*)

Pajakan Operasi (*Operating Lease*)

Pajakan harta di mana bahagian yang signifikan ke atas risiko dan ganjaran pemilikan kekal ke atas tuan sewa dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat di bawah perbelanjaan ini (bersih atas sebarang insentif yang diterima dari tuan pajak) dicajkan ke Penyata Pendapatan mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh pajakan.

Bayaran yang telah dibuat ke atas tanah milik pajak dianggap sebagai bayaran sewa pajakan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh pajakan.

Sekiranya pajakan operasi ditamatkan sebelum tempoh pajakan tamat, sebarang bayaran yang diperlukan kepada tuan pajak dalam bentuk penalti akan diiktirafkan sebagai perbelanjaan pada tempoh penamatan dibuat.

b. Pajakan (*Leases*) – Kumpulan Sebagai Tuan Pajak (*Lessor*)

Pajakan Operasi (*Operating Lease*)

Apabila harta dipajak di bawah pajakan operasi, harta tersebut adalah termasuk di Lembaran Imbangan berdasarkan jenis asal harta tersebut. Pendapatan pajakan akan diiktiraf mengikut tempoh pajakan menggunakan kaedah garis lurus.

4.29 Jaminan Keuntungan Tertunda

Pendapatan dari Jaminan Keuntungan ke atas tempat kediaman yang dijual adalah diiktiraf dalam masa 60 hari selepas tamat tempoh 12 bulan dari tarikh pelancaran.

Pendapatan dari Jaminan Keuntungan ke atas tempat kediaman yang dijual atau tidak dijual adalah diiktiraf dalam masa 60 hari selepas tamat tempoh 24 bulan dari tarikh pelancaran.

Pendapatan yang diterima dari aktiviti-aktiviti berkenaan yang dijangka diterima selepas tahun kewangan adalah diambilkira sebagai Keuntungan Tertunda.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

5. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KRITIKAL

Kumpulan membuat anggaran dan andaian mengenai masa hadapan. Secara definisi, hasil anggaran perakaunan adalah jarang menepati hasil sebenar yang berkaitan.

Bagi meningkatkan kandungan maklumat terhadap anggaran, beberapa pemboleh ubah penting yang dijangka memberi kesan material kepada hasil Kumpulan dan kedudukan kewangan, diuji bagi mengesan sensitiviti terhadap perubahan pemboleh ubah tersebut.

Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko yang signifikan dan boleh menyebabkan pelarasan material ke atas nilai dibawa aset dan liabiliti bagi tahun kewangan berikutnya adalah seperti di bawah:

5.1 Obligasi Manfaat Perubatan Pesara

Nilai semasa Obligasi Manfaat Perubatan Pesara bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian adalah digunakan untuk menentukan kos bersih dalam bagi perubatan pesara, termasuk kadar diskaun dan jangkaan kadar kos perubatan. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan ke atas nilai dibawa Obligasi Manfaat Perubatan Pesara.

Kumpulan menentukan kadar diskaun yang sesuai pada setiap tiga (3) tahun untuk penilaian aktuari. Kadar faedah ini digunakan bagi menentukan anggaran semasa bagi jangkaan aliran tunai keluar masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan Obligasi Manfaat Perubatan Pesara.

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan mempertimbangkan kadar faedah bagi Bon Korporat berkualiti tinggi dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang bersamaan tempoh liabiliti berkaitan.

Kadar kos perubatan dikira berdasarkan purata kos perubatan tahun terdahulu yang dibelanjakan oleh KWSP.

Sekiranya jangkaan kadar kos perubatan berbeza sebanyak 10% daripada jangkaan Pengurusan, nilai dibawa bagi Obligasi Manfaat Perubatan Pesara akan dianggarkan RM11.30 juta lebih tinggi atau RM10.00 juta lebih rendah.

Sekiranya jangkaan kadar diskaun berbeza sebanyak 10% daripada jangkaan Pengurusan, nilai dibawa bagi Obligasi Perubatan Manfaat Pesara akan dianggarkan RM13.80 juta lebih rendah atau RM16.80 juta lebih tinggi.

6. CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN	
	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)
Pada 01 Januari	(20,314)	(3,834)
Amaun Yang Diiktiraf Dalam Penyata Pendapatan	21,517	(16,480)
Pada 31 Disember	1,203	(20,314)
Jumlah Berikut Dibentangkan Selepas Pengurangan Yang Sesuai Ditunjukkan Dalam Lembaran Imbangan:		
Aset Cukai Tertunda	(16,000)	(40,000)
Liabiliti Cukai Tertunda	17,203	19,686
	1,203	(20,314)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

6. CUKAI TERTUNDA (SAMB.)

Komponen dan perubahan Aset Cukai Tertunda dan Liabiliti Cukai Tertunda dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

6.1 ASET / LIABILITI CUKAI TERTUNDA

	Kerugian Belum Guna (RM'000)	Pelarasan Nilai Saksama Dari Gabungan Perniagaan (RM'000)	Harta Tanah, Loji Dan Peralatan (RM'000)	Lain-lain (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Pada 01 Januari 2008	(41,046)	25,292	(5,010)	450	(20,314)
Amaun Yang Diiktiraf Dalam Penyata Pendapatan	23,894	(1,539)	(838)	—	21,517
Pada 31 Disember 2008	(17,152)	23,753	(5,848)	450	1,203
Pada 01 Januari 2007	(30,696)	25,366	1,046	450	(3,834)
Amaun Yang Diiktiraf Dalam Penyata Pendapatan	(10,350)	(74)	(6,056)	—	(16,480)
Pada 31 Disember 2007	(41,046)	25,292	(5,010)	450	(20,314)

7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

7.1 KUMPULAN

2008	Pada Pembelian Tambahan			(Jualan) /	Hapus	Pembalikan	Pada
KOS	01 Januari	Syarikat		Pelarasan /	Kira	Rugi	31 Disember
	(RM'000)	Subsidiari	(RM'000)	Reklasifikasi	(RM'000)	Terjejas	(RM'000)
Tanah Milik Bebas	27,018	—	—	—	—	—	27,018
Bangunan	603,062	—	798	(118,489)	—	—	485,371
Loji Bangunan Dan Mesin	30,703	—	124	—	(224)	—	30,603
Ubahsuai Pejabat / Bangunan	83,422	—	1,650	(2,158)	—	—	82,914
Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap	49,661	—	2,012	(2,287)	(656)	—	48,730
Kenderaan Bermotor	7,175	—	97	(1,678)	(275)	—	5,319
Kelengkapan Pejabat	90,690	—	1,783	1	(2,497)	—	89,977
Perisian Dan Perkakasan Komputer	147,491	—	4,758	7,321	(5,213)	—	154,357
Kerja Dalam Pembinaan	40,870	—	48,496	(13,730)	—	—	75,636
	1,080,092	—	59,718	(131,020)	(8,865)	—	999,925

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

7.1 KUMPULAN (Samb.)

2008	Pada Pembelian	Tambahan	(Jualan) /	Hapus	Pembalihan	Pada
	01 Januari	Syarikat	Pelarasan /	Kira	Rugi	31 Disember
SUSUT NILAI TERKUMPUL	(RM'000)	Subsidiari	Reklasifikasi	(RM'000)	Terjejas	(RM'000)
	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Tanah Milik Bebas	371	—	—	—	—	371
Bangunan	206,684	—	13,229	(8,043)	32	211,902
Loji Bangunan Dan Mesin	26,734	—	1,099	—	(223)	27,610
Ubahsuai Pejabat / Bangunan	54,805	—	9,955	(2,155)	—	62,605
Perabot, Peralatan Dan						
Pemasangan Tetap	46,243	—	1,580	(2,255)	(652)	44,916
Kenderaan Bermotor	5,970	—	376	(1,624)	(275)	4,447
Kelengkapan Pejabat	86,029	—	1,717	—	(2,480)	85,266
Perisian Dan Perkakasan						
Komputer	130,238	—	11,250	(844)	(5,212)	135,432
	557,074	—	39,206	(14,921)	(8,842)	32
						572,549

2007	KOS					
Tanah Milik Bebas	27,018	—	—	—	—	27,018
Bangunan	595,427	—	3,835	3,800	—	603,062
Loji Bangunan Dan Mesin	28,101	—	480	2,299	(177)	30,703
Ubahsuai Pejabat / Bangunan	78,573	2,158	1,477	1,214	—	83,422
Perabot, Peralatan Dan						
Pemasangan Tetap	44,617	2,303	2,639	246	(144)	49,661
Kenderaan Bermotor	5,164	1,678	657	(131)	(193)	7,175
Kelengkapan Pejabat	88,917	—	1,713	1,050	(990)	90,690
Perisian Dan Perkakasan						
Komputer	148,537	1,517	63,455	(58,081)	(7,937)	147,491
Kerja Dalam Pembinaan	56,465	—	38,310	(53,905)	—	40,870
	1,072,819	7,656	112,566	(103,508)	(9,441)	—
						1,080,092

2007	SUSUT NILAI TERKUMPUL					
Tanah Milik Bebas	371	—	—	—	—	371
Bangunan	194,262	—	14,858	(2,436)	—	206,684
Loji Bangunan Dan Mesin	24,984	—	1,056	871	(177)	26,734
Ubahsuai Pejabat / Bangunan	41,208	2,155	13,491	(2,049)	—	54,805
Perabot, Peralatan Dan						
Pemasangan Tetap	42,604	2,242	1,432	109	(144)	46,243
Kenderaan Bermotor	4,264	1,624	408	(131)	(195)	5,970
Kelengkapan Pejabat	85,060	—	1,559	400	(990)	86,029
Perisian Dan Perkakasan						
Komputer	126,330	1,420	9,724	675	(7,911)	130,238
	519,083	7,441	42,528	(2,561)	(9,417)	—
						557,074

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

7.2 KWSP

2008	Pada 01 Januari	Tambahan	(Jualan) / Pelarasan / Reklasifikasi	Hapus Kira	Pada 31 Disember
KOS	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Bangunan	309,960	798	6,798	—	317,556
Loji Bangunan Dan Mesin	30,702	124	—	(224)	30,602
Ubahsuai Pejabat / Bangunan	70,084	—	—	—	70,084
Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap	26,500	819	66	(656)	26,729
Kenderaan Bermotor	4,783	97	—	(275)	4,605
Kelengkapan Pejabat	90,568	1,783	1	(2,497)	89,855
Perisian Dan Perkakasan Komputer	129,636	4,143	7,348	(5,213)	135,914
Kerja Dalam Pembinaan	40,870	48,496	(12,216)	—	77,150
	703,103	56,260	1,997	(8,865)	752,495

2008	SUSUT NILAI TERKUMPUL				
Bangunan	116,489	8,699	—	—	125,188
Loji Bangunan Dan Mesin	26,734	1,099	—	(223)	27,610
Ubahsuai Pejabat / Bangunan	43,669	9,292	—	—	52,961
Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap	25,862	669	—	(652)	25,879
Kenderaan Bermotor	3,912	263	—	(275)	3,900
Kelengkapan Pejabat	86,012	1,705	—	(2,480)	85,237
Perisian Dan Perkakasan Komputer	114,707	10,208	767	(5,212)	120,470
	417,385	31,935	767	(8,842)	441,245

2007	KOS				
Bangunan	306,215	3,495	250	—	309,960
Loji Bangunan Dan Mesin	28,076	480	2,324	(178)	30,702
Ubahsuai Pejabat / Bangunan	68,149	721	1,214	—	70,084
Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap	26,140	251	253	(144)	26,500
Kenderaan Bermotor	4,395	581	—	(193)	4,783
Kelengkapan Pejabat	88,855	1,630	1,073	(990)	90,568
Perisian Dan Perkakasan Komputer	132,335	5,236	—	(7,935)	129,636
Kerja Dalam Pembinaan	54,547	38,310	(51,987)	—	40,870
	708,712	50,704	(46,873)	(9,440)	703,103

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

7.2 KWSP (Samb.)

2007	Pada 01 Januari	Tambahan	(Jualan) / Pelarasan / Reklasifikasi	Hapus Kira	Pada 31 Disember
SUSUT NILAI TERKUMPUL	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Bangunan	108,763	7,726	—	—	116,489
Loji Bangunan Dan Mesin	24,981	1,056	874	(177)	26,734
Ubahsuai Pejabat / Bangunan	32,690	13,008	(2,029)	—	43,669
Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap	25,326	589	91	(144)	25,862
Kenderaan Bermotor	3,813	294	—	(195)	3,912
Kelengkapan Pejabat	85,052	1,547	403	(990)	86,012
Perisian Dan Perkakasan Komputer	113,229	8,728	661	(7,911)	114,707
	393,854	32,948	—	(9,417)	417,385

7.3 NILAI BUKU BERSIH

	KUMPULAN		KWSP	
	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)
Tanah Milik Bebas	26,647	26,647	—	—
Bangunan	273,469	396,378	192,368	193,471
Loji Bangunan Dan Mesin	2,993	3,969	2,992	3,968
Ubahsuai Pejabat / Bangunan	20,309	28,617	17,123	26,415
Perabot, Peralatan Dan Pemasangan Tetap	3,814	3,418	850	638
Kenderaan Bermotor	872	1,205	705	871
Kelengkapan Pejabat	4,711	4,661	4,618	4,556
Perisian Dan Perkakasan Komputer	18,925	17,253	15,444	14,929
Kerja Dalam Pembinaan	75,636	40,870	77,150	40,870
	427,376	523,018	311,250	285,718

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

8. HARTA TANAH PELABURAN

	KUMPULAN		KWSP	
	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)
Nilai Buku Bersih				
Pada 01 Januari	1,467,144	1,312,840	1,064,931	905,946
Pembelian Syarikat Subsidiari	—	392,000	—	—
Tambahan	155,287	409,520	30,000	408,671
Jualan	(6,790)	(622,500)	—	(230,500)
Susut Nilai	(32,902)	(24,608)	(25,015)	(19,186)
Pelarasan Susut Nilai	(8,043)	—	—	—
Rugi Terjejas	(45)	(108)	—	—
Pada 31 Disember	1,574,651	1,467,144	1,069,916	1,064,931

9. ASET TIDAK KETARA

	KUMPULAN		KWSP	
	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)
Pada 01 Januari	52,500	8,190	51,535	6,803
Tambahan	6,435	58,033	6,157	57,899
Pelarasan Kos	(1,998)	—	(1,998)	—
Pelunasan	(13,838)	(13,723)	(13,250)	(13,167)
Pelarasan Pelunasan	767	—	767	—
Pada 31 Disember	43,866	52,500	43,211	51,535

10. PRABAYARAN TANAH MILIK PAJAK

	KUMPULAN		KWSP	
	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)
Kos				
Pada 01 Januari	141,770	176,565	130,052	164,847
Jualan	—	(34,795)	—	(34,795)
Pada 31 Disember	141,770	141,770	130,052	130,052

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

10. PRABAYARAN TANAH MILIK PAJAK (SAMB.)

	KUMPULAN		KWSP	
	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)	2008 (RM'000)	2007 (RM'000)
Pelunasan / Rugi Terjejas Terkumpul				
Pada 01 Januari	20,856	23,083	19,419	21,811
Belanja Pelunasan Tahun Semasa	1,424	1,315	1,259	1,150
Jualan	—	(3,542)	—	(3,542)
Pada 31 Disember	22,280	20,856	20,678	19,419
Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember	119,490	120,914	109,374	110,633

11. ASET DIPEGANG UNTUK JUALAN

Aset kelas-kelas utama bagi Kumpulan dikelaskan sebagai Aset Dipegang Untuk Jualan disatukan di Lembaran Imbangan setakat 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

	KUMPULAN			
	2008		2007	
	Nilai Buku (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Nilai Buku (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)
Saham Tersiar Harga				
Saham Biasa	1,527,229	1,038,884	6,084,232	5,949,748
Peruntukan Rugi Terjejas	(356,394)	—	(651,626)	—
	1,170,835	1,038,884	5,432,606	5,949,748
Lain-lain Aset *	—	—	4,650	4,650
	1,170,835	1,038,884	5,437,256	5,954,398

* Merupakan aset syarikat subsidiari kepada Rashid Hussain Berhad di mana pengurusan komited untuk menjual pada jangka masa terdekat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

11. ASET DIPEGANG UNTUK JUALAN (SAMB.)

	KWSP			
	2008		2007	
	Nilai Buku (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Nilai Buku (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)
Saham Tersiar Harga				
Saham Biasa	1,527,229	1,038,884	6,084,232	5,949,748
Peruntukan Rugi Terjejas	(356,394)	—	(651,626)	—
	1,170,835	1,038,884	5,432,606	5,949,748

Termasuk di dalam Aset Dipegang Untuk Jualan bagi KWSP adalah saham RHB Capital Berhad yang akan dijual seperti di Nota 43.

12. TANAH DIPEGANG UNTUK PEMBANGUNAN HARTA TANAH

	KUMPULAN		KWSP	
